

Bil. S 27

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 167.
 3. Penggantian bab 3.
 4. Pemasukan bab 3A baru.
 5. Pindaan bab 4.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan), 2014 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 12hb Oktober 2013.

Pindaan bab 2 dari Penggal 167.

2. Bab 2 dari Akta Tabung Amanah Pekerja, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memotong takrifan “Lembaga” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Lembaga” bermakna Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3;”.

Penggantian bab 3.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan bab 3 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

“Penubuhan Lembaga Tabung Amanah Pekerja.

3. Adalah dengan ini ditubuhkan suatu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Tabung Amanah Pekerja.”.

Pemasukan bab 3A baru.

4. Akta itu adalah dipinda, dengan memasukkan sejurus selepas bab 3, bab baru yang berikut —

“Lantikan Pengarah Urusan.

3A. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang Pengarah Urusan.”.

Pindaan bab 4.

5. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong ceraiian (1) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) seorang Pengerusi;

(b) tidak lebih daripada dua orang Timbalan Pengerusi;

(c) Pengarah Urusan;

(d) orang lain yang daripada mereka itu tidak kurang daripada lima orang adalah wakil-wakil Kerajaan.”;

(b) dengan memotong ceraiian (2) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(2) Ahli-ahli yang disebut dalam ceraiian 1(a), (b) dan (d) hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan notis lantikan mereka itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.”;

(c) dalam ceraiian (5) —

(i) dengan memotong “Timbalan Pengerusi” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Timbalan-Timbalan Pengerusi”;

(ii) dalam proviso, dengan memotong “Tabung” dari dua baris akhir.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Sya'aban, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 4 haribulan Jun, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM